

KHUTBAH JUMAAT

“MARHABAN RAMADAN, IBADAH DIGANDAKAN”

(20 Februari 2026M/ 2 Ramadan 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرًا مُبَارَكًا، وَفَرَضَ فِيهِ الصِّيَامَ، وَأَعَدَّ فِيهِ فَضْلًا كَبِيرًا وَأَجْرًا عَظِيمًا. أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، وَأَشْكُرُهُ عَلَى جَزِيلِ إِنْعَامِهِ وَإِفْضَالِهِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar ketakwaan. Syukurilah nikmat kehidupan dengan taat melaksanakan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Berikan tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk, "**Marhaban Ramadan, Ibadah Digandakan**".

Muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kini, kita sudah berada dalam bulan Ramadan. Sebagai seorang muslim, kita sudah tentu merasa gembira dan bersyukur dengan kedatangannya. Semoga kita berjaya memperolehi pelbagai keistimewaan, keberkatan dan pengampunan yang telah disediakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam bulan yang mulia ini. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ، فَرَضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ. تُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ، وَتُغْلَقُ فِيهِ مَرَدَةُ الشَّيَاطِينِ. لِلَّهِ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ، مَنْ حُرِمَ خَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ))

Maksudnya: *Telah datang kepada kamu bulan Ramadan yang merupakan bulan yang diberkati. Allah telah memfardukan ke atas kamu untuk berpuasa di dalamnya. Pada bulan ini dibuka pintu-pintu langit dan ditutup pintu-pintu neraka, serta dirantai syaitan-syaitan yang jahat. Pada bulan ini terdapat satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Sesiapa yang terhalang daripada mendapatkan kebaikan malam itu sesungguhnya dia telah terhalang (daripada rahmat Allah).*

(Hadis riwayat Imam an-Nasa'ie)

Imam Ibnu Rajab *rahimahullah* dalam kitabnya *Lato'if al-Ma'arif* ketika menjelaskan hadis tadi menyatakan bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* memberikan khabar gembira kepada para

sahabatnya dengan ketibaan bulan Ramadan. Sheikh Mulla 'Ali al-Qari *rahimahullah* pula dalam kitabnya *Mirqat al-Mafatih* menjelaskan bahawa hadis tadi merupakan asal bagi ucapan tahniah (antara satu sama lain dalam kalangan orang Islam) yang menjadi budaya pada awal bulan-bulan yang diberkati.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Tonggak ibadah pada bulan Ramadan ialah ibadah puasa, iaitu menahan diri bukan sahaja daripada makan dan minum bahkan daripada segala perkara maksiat dan perkara yang membatalkan puasa bermula daripada terbit fajar (masuk waktu solat fardu subuh) hingga terbenam matahari (masuk waktu solat fardu maghrib) dan disertai dengan niat.

Perlu diingatkan agar kita tidak lupa untuk berniat puasa Ramadan pada setiap malam bagi memastikan ibadah puasa kita sah. Daripada Saidatina Hafsa *radiallahu anha* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda :

((مَنْ لَمْ يُجْمِعِ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ))

Maksudnya: *Sesiapa yang tidak berniat puasa sebelum fajar, maka tidak ada puasa baginya.*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Imam al-Ghazali *rahimahullah* dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin* mengkategorikan orang yang berpuasa itu kepada tiga kategori:

Pertama: Puasa kategori awam. Puasa sekadar menahan diri daripada melakukan segala perkara yang membatalkan puasa.

Kedua: Puasa kategori khusus. Puasa yang bukan sekadar menghindarkan diri daripada segala perbuatan yang membatalkan puasa malah menjaga pendengaran, penglihatan, lidah, tangan, kaki dan seluruh anggota badan daripada dosa. Inilah puasa orang yang soleh.

Ketiga: Puasa kategori paling khusus. Iaitu puasa hati daripada urusan yang remeh dan duniawi, serta menghindari segala perkara selain Allah *subhanahu wata'ala* secara total. Ini merupakan tingkatan puasa para Nabi *alaihimussalam*, *siddiqin* dan *muqarrabin*.

Justeru, marilah kita berusaha melaksanakan ibadah puasa kita dengan sempurna sekurang-kurang mencapai puasa kategori khusus agar berpeluang untuk memperolehi ganjaran pahala daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ لَهُ الْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضِعْفٍ. قَالَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ إِلَّا الصَّوْمَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ))

Maksudnya: Semua amalan anak Adam akan dilipatgandakan pahalanya dengan sepuluh kali ganda hinggalah tujuh ratus kali ganda. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman "melainkan puasa, maka sesungguhnya puasa itu kepunyaan-Ku, dan Aku yang akan

memberikan balasan dengannya".

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Kaum muslimin yang berbahagia,

Di samping itu, kita juga digalakkan untuk melakukan amalan soleh yang lain, antaranya:

Pertama: Qiamullail dengan mendirikan solat sunat tarawih lebih-lebih lagi secara berjemaah. Abu Zar *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا صَلَّى مَعَ الْإِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ حُسِبَ لَهُ قِيَامُ لَيْلَةٍ ...))

Maksudnya: ... Sesungguhnya sesiapa yang solat bersama imam sehingga imam itu selesai, maka ditetapkan pahala baginya, seperti solat sepanjang malam ...

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Kedua: Memberi makanan kepada orang yang berpuasa untuk berbuka puasa. Daripada Zaid bin Khalid al-Juhaniy *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا))

Maksudnya: Sesiapa yang memberikan makanan untuk berbuka puasa kepada orang yang berpuasa, maka dia akan mendapatkan pahala sebagaimana pahala orang yang berpuasa tanpa mengurangi sedikit pun pahala orang yang berpuasa itu.

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Ketiga: Bersedekah dan memperbanyakkan bacaan al-Quran. Sifat dermawan ini juga merangkumi semua erti sedekah dan semua jenis perbuatan baik seperti bermanis muka dan berkata yang baik-baik. Abdullah bin Abbas *radiallahu anhumma*, meriwayatkan :

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ ، وَكَانَ أَجْوَدَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جَبْرِيْلُ ، وَكَانَ جَبْرِيْلُ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ ، فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ ، قَالَ : فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

Maksudnya: *Rasulullah sallallahu alaihi wasallam adalah orang yang paling pemurah. Baginda lebih pemurah lagi pada bulan Ramadan ketika Jibril menemuinya. Dan Jibril menemuinya pada setiap malam bulan Ramadan untuk bertadarus al-Qur`an dengannya. Baginda pada ketika itu lebih pemurah dalam memberi kebaikan berbanding dengan angin yang berhembus.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Dalam hadis yang dibacakan tadi juga menjelaskan bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bertadarus al-Quran bersama Malaikat Jibril *alaihissalam* pada setiap malam bulan Ramadan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sangat banyak peluang yang Allah *subhanahu wata'ala* berikan kepada kita tanda kasih-Nya Allah kepada kita. Betulkan niat dan lakukan segala amal ibadah dengan ikhlas semata-mata kerana

Allah *subhanahu wata'ala*. Ramadan juga merupakan titik penting untuk kita melakukan perubahan terbaik buat diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat seluruhnya. Jadi jangan disia-siakan walau sedetik peluang yang ada untuk meningkatkan amal ibadah dan mendapatkan reda Allah *subhanahu wata'ala*.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Kita hendaklah berusaha melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna iaitu tingkatan puasa golongan khusus (orang soleh).

Kedua: Setiap Mukmin memiliki peluang dalam Bulan Ramadan untuk melakukan ibadah-ibadah yang telah disyariatkan seperti berpuasa, tarawih, membaca al-Quran dan sebagainya.

Ketiga: Manfaatkan peluang yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* ini untuk meningkatkan amal ibadah dan menjauhi larangan-Nya dalam rangka menggapai redha Allah serta menjadi hamba-Nya yang bertakwa.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah an-Nahl, ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْشَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

Maksudnya: Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim cuaca panas dan hujan yang silih berganti ini, khatib menyeru agar kita sentiasa menjaga kesihatan diri dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Selain itu, teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang

akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepadaMu sepanjang bulan yang agung ini Ya, Allah.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.